

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

ATW102 - EKONOMI UNTUK PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. (a) Bagi setiap pernyataan di bawah ini nyatakan sama ada ianya benar atau tidak dan berikan penerangan anda.
  - (i) Diberikan kelok permintaan yang cerunnya menurun ke bawah dan mempunyai kos marginal/sut (MC) yang positif, firma yang memaksimumkan keuntungan kebiasaannya menjual output yang kurang pada harga yang tinggi berbanding dengan firma yang memaksimumkan jumlah pendapatan.
  - (ii) Keuntungan akan dimaksimumkan apabila pendapatan marginal/sut (MR) sama dengan kos marginal/sut (MC).
  - (iii) Jumlah keuntungan ialah perbezaan di antara jumlah pendapatan (TR) dan jumlah kos (TC) dan akan sentiasa melebihi kos pada tahap aktiviti pemaksimuman keuntungan.
  - (iv) Kos marginal/sut (MC) semestinya rendah daripada kos purata (AC) pada tahap output di mana purata kos di peringkat minima.
  - (v) Kelok permintaan akan menurun cerunnya ke bawah jika pendapatan marginal/sut (MR) kurang daripada harga.
  - (vi) Bagi memaksimumkan nilai firma, pihak pengurusan akan sentiasa mengeluarkan tahap output yang memaksimumkan keuntungan jangka pendek.

...2/-